

Headline	Pelancaran buku direktori herba		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	279,000
Page No	10	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	105 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,536
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,608



Dari kiri:  
Marzalina,  
Abd Latif  
dan Rohana  
bersama  
buku  
*Directory  
of Herbal  
Cultivators  
In Peninsular  
Malaysia  
2015.*

## Pelancaran buku direktori herba

MINAT dengan tanaman herba tempatan? Kini anda boleh mendapat segala maklumat berkaitan melalui buku *Directory of Herbal Cultivators in Peninsular Malaysia 2015*, terbitan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim).

Terdapat maklumat terperinci mengenai 458 pengusaha tanaman herba dan 75 pembekal bahan tanaman di Semenanjung untuk dijadikan rujukan. Buku yang berharga RM120 seunit ini dilancarkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad

Shabery Cheek.

Direktori ini merupakan sebahagian daripada hasil projek penyelidikan bertajuk Kajian Rantaian Nilai Industri Herba Terpilih di Semenanjung Malaysia yang dijalankan oleh Frim mulai Julai 2014 sehingga akhir tahun ini dengan pembiayaan dana sebanyak RM1.96 juta daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)..

Buku ini boleh didapati di Kedai Buku Frim. Untuk maklumat lanjut boleh e-mel ke: [rohanasr@frim.gov.my](mailto:rohanasr@frim.gov.my).